



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**SEMINAR KESIHATAN PEKERJAAN KEBANGSAAN 2017**

Kuala Lumpur, 7 September – YB Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, Menteri Sumber Manusia telah merasmikan Seminar Kesihatan Pekerja Kebangsaan 2017 di Auditorium Hospital Kuala Lumpur. Ianya merupakan anjuran Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dengan kerjasama Hospital Kuala Lumpur.

Objektif utama penganjuran seminar ini adalah memberi penerangan dan meningkatkan pengetahuan para pengamal perubatan bagi menyediakan pelaporan selain memantau penyakit pekerjaan (*Occupational Health*) di Negara kita.

Untuk rekod pada tahun 2016, nisbah pelaporan kemalangan di tempat kerja adalah sebanyak 41,005 kes berbanding 7,820 kes bagi penyakit dan keracunan pekerjaan (5:1). Jumlah ini adalah jauh berbanding kajian nisbah kemalangan:penyakit dan keracunan pekerjaan yang dijalankan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) iaitu 1:6.

Dalam perkembangan lain, pada tahun 2016, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan siasatan penyakit dan keracunan pekerjaan. Daripada 7,820 kes, 91% adalah *Occupational Noise related Hearing Disorder* ataupun Penyakit Pekak disebabkan Kebisingan Pekerjaan, 3% *Occupational Muscular-Skeletal Disorder* atau Masalah Tulang-Otot Pekerjaan dan 2% berkaitan dengan *Occupational Lung Diseases* atau Penyakit Paru-paru Pekerjaan.

Majlis turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, YBhg Dato' Sri Adenan bin Ab Rahman; Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Pekerjaan), JKPP, Ir. Hj Kormain bin Mohd Noor; Pengarah Hospital Kuala Lumpur, YBhg Dato' Dr. Zaininah binti Mohd Zain; dan pengurusan tertinggi Kementerian Sumber Manusia.

**###**

**Dikeluarkan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Manusia  
7 September 2017**